



فَرِيدَانِن كَمَا جَوَانَانَا قَضَائِن كَرِي كَلْبِن  
**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**  
**KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION**

NAMA JAWATANKUASA:	
PROJEK:	
TARIKH MESYUARAT:	

**DEKLARASI OLEH AHLI JAWATANKUASA / JEMPUTAN**

- (i) Saya akan menahan diri daripada melakukan sebarang amalan korup dengan mana-mana orang secara langsung atau tidak langsung semasa melaksanakan kewajipan saya sebagai **\*ahli/jemputan** Jawatankuasa ini;
- (ii) Saya tidak akan berpakat sulit dengan atau dipengaruhi oleh mana-mana pihak semasa melaksanakan kewajipan saya;
- (iii) Saya akan dengan serta-merta mendedahkan sebarang kepentingan peribadi atau kepentingan diri dalam apa-apa perkara yang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa dan menarik diri daripada membuat sebarang keputusan untuk perkara tersebut;
- (iv) Jika terdapat sebarang percubaan oleh mana-mana pihak untuk memberikan rasuah, saya akan dengan serta-merta memaklumkan Pengerusi Jawatankuasa, dan setelah menentusahkan fakta, satu laporan boleh dibuat di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau di Balai Polis terdekat;

- (v) Saya tidak akan mendedahkan sebarang maklumat yang bukan dalam domain awam yang diketahui oleh saya selaras dengan pertimbangan Jawatankuasa dalam apa jua bentuk atau kandungan (“Maklumat Sulit”), dan/atau apa-apa maklumat berkaitan dengan Perolehan Kerajaan/ Perolehan selaras dengan **Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)** kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan;
  
- (vi) Apabila saya tidak lagi menyertai mesyuarat Jawatankuasa ini dan/atau apabila saya tidak lagi bekerja dengan.....  
.....(jika berkenaan), saya tidak akan mendedahkan atau menggunakan sebarang Maklumat Sulit yang diketahui oleh saya disebabkan kehadiran saya di mesyuarat Jawatankuasa ini untuk manfaat peribadi saya atau manfaat mana-mana orang atau organisasi lain; dan
  
- (vii) Saya faham kegagalan saya untuk mematuhi deklarasi ini akan dianggap kemungkiran serius terhadap deklarasi dan waad ini, dan bahawa tindakan yang sesuai boleh diambil terhadap saya, termasuk prosiding undang-undang.

Tandatangan:	
Nama:	
No. K/P:	
Jawatan:	
Agensi:	